

# Dr. Zarida, dua pegawai KD Tun Razak dahului senarai penerima darjah kebesaran Selangor

SHAH ALAM 21 Mei - Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Zarida Hambali mendahului senarai 304 penerima darjah dan bintang kebesaran negeri sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Selangor Ke-66.

Beliau dikurniakan Darjah Kebe-

saran Setia Mahkota Selangor daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam satu istiadat yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, di sini hari ini.

Turut dikurniakan darjah kebesaran daripada baginda ialah Pegawai Memerintah KD Tun Razak,

Komander Baharudin Wan Md. Nor dan Pegawai Pelaksana KD Tun Razak, Komander Mohd. Razib Tahir.

Kedua-dua pegawai kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) itu menerima Darjah Kebesaran Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS).

Sementara itu, wartawan Berita Harian dari Biro Selangor, Rafidah

Mohd. Mat Ruzki menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) yang dikurniakan sebagai penghargaan kepada individu yang telah lama berkhidmat dan berjasa di negeri ini.

Istiadat tersebut turut menyaksikan seramai 33 orang dianugerahkan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) manakala 33 penerima lagi dikurniakan Pingat Per-

khidmatan Cemerlang Selangor (PPC).

Semua mereka terdiri daripada kakitangan awam kerajaan negeri.

Selain itu, 12 orang kakitangan awam negeri turut dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS) sebagai penghargaan atas jasa mereka berkhidmat dalam tempoh 20 tahun dengan kerajaan negeri.